



PENDIDIKAN PERCUMA DI MALAYSIA

Gerakan Menuntut Pendidikan Percuma (GMPP)

A] KANDUNGAN LAPORAN GMPP

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
A	Kandungan Laporan GMPP	2
1.0	Pengenalan	3
1.1	7 Tuntutan Gerakan Menuntut Pendidikan Percuma	3
2.0	Krisis Kelas di Malaysia	4
3.1	Prasekolah Awam Percuma untuk Semua	9
3.2	Pengangkutan Bas Sekolah di Pedalaman	11
3.3	Skim Kelengkapan Pendidikan Malaysia (SKPM)	13
3.4	Menghapuskan Semua Jenis Bayaran di Sekolah	15
3.5	Menghapuskan Semua Yuran Pendidikan Tinggi	16
3.5.1	Menghapuskan Yuran IPTA Milik Kerajaan Persekutuan	20
3.5.2	Pengambil-alih IPTS Milik Kerajaan Negeri	21
3.5.3	Pengambil-alih IPTS Milik Syarikat Kerajaan (GLCs)	22
3.5.4	Menghapuskan Yuran IPTS Milik Majlis Amanah Rakyat (MARA)	23
3.5.5	Mengambil Alih dan Menstruktur Semula IPTS Milik Persendirian	24
3.6	Mansuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	24
3.7	Mansuhkan Akta Universiti & Kolej Universiti (AUKU) serta Akta IPTS (555)	28
4.0	Perbelanjaan	30
4.1	Perbelanjaan Prasekolah Awam Percuma untuk Semua	31
4.2	Perbelanjaan Pengangkutan Bas Sekolah di Pedalaman	31
4.3	Perbelanjaan Skim Kelengkapan Pendidikan Malaysia (SKPM)	31
4.4	Perbelanjaan Menghapuskan Semua Jenis Bayaran di Sekolah	32
4.5	Perbelanjaan Menghapuskan Semua Yuran Pendidikan Tinggi	32
4.6	Kos Mansuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	33
4.7	Jumlah Perbelanjaan & Kos Penuh Pendidikan Percuma	33
4.8	Sumber Kewangan Pendidikan Percuma	34
5.0	Rumusan	37
B	Petikan & Sumber	38

1.0) Pengenalan

Gerakan Menuntut Pendidikan Percuma (GMPP) merupakan sebuah gerakan yang diterajui oleh anak muda, belia, mahasiswa/i serta individu-individu yang berpegang teguh kepada prinsip bahawa pendidikan tidak seharusnya dikomersialkan kerana motif pihak swasta untuk mengaut keuntungan akan merosakkan pendidikan. Hal ini dibuktikan selepas 20 tahun penswastaan pendidikan tinggi di Malaysia yang telah mewujudkan lebih banyak masalah daripada manfaat. Kerajaan persekutuan lebih menekankan perkembangan pendidikan swasta berbanding pembinaan institusi pengajian tinggi awam yang mencukupi. Pembukaan sektor prasekolah kepada swasta turut mula menunjukkan kesan yang negatif dalam jangka masa yang pendek.

Perbincangan pendidikan percuma seringkali berkisar dalam pendidikan tinggi dan mengelakkan prasekolah atau sekolah. Pendidikan sekolah yang seringkali diangkat sebagai model percuma bukan percuma sepenuhnya tetapi bertaraf subsidi. Pemberian pendidikan percuma tidak seharusnya berkisar hal ehwal yuran tetapi akses kepada pendidikan khususnya dalam kalangan golongan berisiko tinggi seperti pelajar luar bandar. Pembangkang pendidikan percuma kerap kali mengangkat negara Skandinavia, Brazil, Jerman, Perancis serta cukai tingginya sebagai alasan untuk membantah pendidikan percuma. Realitinya, model pendidikan serta percukaian Malaysia jauh berbeza dengan negara tersebut dan tidak wajar dibawa masuk ke dalam diskusi landskap pendidikan percuma.

Gerakan Menuntut Pendidikan Percuma (GMPP) menuntut akses pendidikan diberikan dengan percuma tanpa prejudis dan diskriminasi kepada semua lapisan masyarakat kerana pendidikan merupakan mobiliti sosial yang sangat efektif. Gerakan Menuntut Pendidikan Percuma (GMPP) menubuhkan sebuah pasukan penyelidikan yang telah melaksanakan penyelidikan selama 18 bulan untuk memahami kaitan akses dan prestasi pendidikan pelajar dengan kos pendidikan. Laporan Pendidikan Percuma di Malaysia telah dilancarkan pada Januari 2018.

1.1) 7 Tuntutan Gerakan Menuntut Pendidikan Percuma


Selepas kajian yang teliti, maka 7 tuntutan utama Gerakan Menuntut Pendidikan Percuma (GMPP) mulai 2018 adalah;

- I. Prasekolah Awam Percuma untuk Semua
- II. Pengangkutan Bas Sekolah untuk Luar Bandar
- III. Skim Kelengkapan Pendidikan Malaysia (SKPM)
- IV. Menghapuskan Semua Jenis Bayaran di Sekolah
- V. Menghapuskan Semua Yuran Pendidikan Tinggi
- VI. Mansuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- VII. Mansuhkan Akta Universiti & Kolej Universiti (AUKU) serta Akta IPTS (555).

2.0) Krisis Kelas di Malaysia

Malaysia mengamalkan sistem ekonomi neo-liberal yang merupakan tunjang kepada jurang kaya miskin yang sangat tinggi walaupun selepas perkembangan ekonomi yang pesat sejak penubuhan Persekutuan Malaysia pada 1963. Anak muda kini dibelenggu tekanan hidup seperti hutang PTPTN, harga rumah tinggi, kos sara hidup tinggi dan pengangguran. Generasi ibu bapa dibelenggu dengan kos perubatan yang tinggi, pencen rendah atau ketandusan KWSP. Ramai pesara kini mula kembali ke alam pekerjaan selepas inflasi memusnahkan wang simpanan persaraan mereka.

Sistem kapitalisme neo-liberal ini merupakan satu sistem yang regresif kerana kekayaan mengalir dari kelas bawah ke atas, di mana kaya menjadi semakin kaya dan miskin menjadi semakin miskin. Polisi neo-liberal seperti GST, melemahkan kesatuan kerja, pendidikan berbayar, beban hutang dan pencen rendah bukan sahaja memiskin rakyat marhaen tetapi memastikan 99% rakyat menjadi hamba kepada sistem neo-liberal.



Pada 1 April 2015, Cukai Barang & Perkhidmatan (GST) diperkenalkan di Malaysia dan mencatatkan kutipan melebihi RM40 bilion setahun. Namun kenapa bajet persekutuan masih dalam defisit yang tinggi dan potongan kepada subsidi, elaun & gaji serta perkhidmatan bertambah. Tetapi cukai terhadap maha kaya iaitu cukai korporat telah dipotong sebanyak 1% [1]. Berbilion-bilion Ringgit telah mengalir ke tangan maha kaya daripada marhaen. Dalam sistem negara kebajikan ("welfare state"), cukai yang tinggi dikenakan terhadap maha kaya untuk menampung pendidikan dan kesihatan percuma untuk menutup jurang kekayaan.

Rajah 1: Kadar Cukai Korporat di Malaysia (2006-2016)



Golongan maha kaya serta institusi-institusi antarabangsa yang mengawal modal sedang kuat melobi kepada kerajaan untuk memastikan cukai pendapatan yang rendah untuk diri mereka. Trend ini dapat dilihat apabila pelbagai institusi antarabangsa mengangkat pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), penghapusan cukai warisan (“inheritance tax”) dan pengurangan cukai korporat sebagai reformasi ekonomi. Pengumpulan modal oleh maha kaya tidak mewujudkan peluang pekerjaan atau menaikkan taraf hidup. Realitinya, tindakan ekonomi tersebut melebarkan jurang kekayaan dan menyebabkan rakyat marhaen lebih sengsara akibat kos sara hidup bertambah dan spekulasi hartanah.


Pengumpulan modal yang tinggi dalam masa cepat membolehkan maha kaya melakukan spekulasi hartanah hingga menyebabkan purata harga rumah melambung dalam dan luar negara. Contohnya, pelabur Malaysia merupakan pembeli hartanah keempat terbesar di Australia tetapi dibiarkan kosong sehingga menyebabkan rakyat marhaen Australia tidak mampu membeli rumah [2]. Kuasa kewangan syarikat milik keluarga di Malaysia juga semakin membesar khususnya selepas cukai warisan dimansuhkan ketika pentadbiran Mahathir Mohamad pada 1991 [3]. Cukai warisan diwujudkan di Malaysia melalui Enakmen Cukai Estet 1941 (“Estate Duty Enactment 1941”) oleh British. Penghapusan cukai warisan mengembangkan kuasa kewangan segelintir keluarga. Menurut kajian Credit Suisse, kurang daripada 30 keluarga di Malaysia mengawal lebih daripada 20% saham di syarikat gergasi di Malaysia bernilai hampir RM120 bilion atau bersamaan dengan 10% ekonomi negara [4] [5].

Jadual 1: Kadar Cukai Warisan (1991)

Jumlah Harta (RM)	Kadar Cukai (%)
Dibawah RM 2 juta	0%
Antara RM2 juta dan 4 juta	5%
RM4 juta ke atas	10%


Sumber: The Edge Market

Rajah 2: Purata Modal Syarikat Milik Keluarga dalam US\$ “bilion



Sumber: Credit Suisse Research Institute


Rajah 3: Jumlah Syarikat Dikawal Oleh Keluarga, Malaysia Tangga Ke-7 di Dunia



Sumber: Credit Suisse Research Institute


GST merupakan cukai yang regresif kerana semakin tinggi pendapatan individu semakin kurang peratus pembayaran cukai daripada pendapatannya. Berdasarkan kajian daripada Penang Institute, individu berpendapatan RM5000 ke atas membayar sebanyak 1.5% daripada pendapatannya sebagai GST manakala individu berpendapatan RM1,000 membayar hampir 3% daripada pendapatannya sebagai GST [6]. Secara tuntasnya, individu yang mempunyai pendapatan 5 kali ganda daripada paras gaji minima membayar GST 2 kali ganda rendah berbanding individu yang berpendapatan pada paras gaji minima.

Rajah 4: Kadar GST Dibayar Berdasarkan Pendapatan Individu



Sumber: Penang Insitute

Golongan marhaen Malaysia dibebankan dengan gaji yang rendah serta kenaikan harga barangan sehinggakan isu seperti tidak mampu membeli lencana sekolah dan membayar yuran PIBG semakin kedengaran. Mahasiswa yang kerja ketika belajar untuk menampung pendidikan dan makan mi segera di asrama telah menjadi norma kehidupan. Anak muda dibebani dengan hutang PTPTN, hutang rumah akibat spekulasi maha kaya dan kereta yang bercukai tinggi. Anak muda yang tidak membayar hutang PTPTN dikecam walhal ini merupakan kesalahan polisi regresif dimana Kerajaan telah membuka banyak saluran untuk kaya menjadi semakin kaya.




Isu perkauman wujud akibat daripada jurang kekayaan. Keengganan kerajaan persekutuan untuk melaksanakan cukai yang progresif menyebabkan kekurangan dana untuk membina universiti dan kolej awam yang baru. Jumlah anak muda yang beraspirasi melanjutkan pendidikan semakin meningkat setiap tahun kerana kadar pertumbuhan populasi yang positif. Namun tiada universiti baru dibina selepas 2008 ketika kerajaan pimpinan Najib Razak.

Anak muda yang saling tuduh-menuduh dengan anak muda kaum lain bahawa mereka merampas kerusinya di universiti awam walhal ini merupakan kesalahan kerajaan yang tidak membina IPTA yang mencukupi sebaliknya Putrajaya meluluskan beratus-ratus lesen IPTS. Kolej kecil swasta kerap kali menggunakan sentimen perkauman dan agama untuk mendapatkan pelajar. Keengganan Putrajaya menangani isu jurang kekayaan yang semakin membesar dengan proaktif merupakan asas kepada rasisme di Malaysia.

Kejayaan dalam pendidikan merupakan salah satu cara untuk mengeluarkan diri daripada kemelut kemiskinan. Kemiskinan ini merupakan satu kitaran yang kejam di mana miskin akan terperangkap dalam kemiskinan tanpa campur tangan. Laporan Gaji 2016 daripada Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) mendedahkan bagaimana taraf pendidikan berkait rapat dengan jumlah pendapatan individu [7] .

Rajah 5: Median & Purata Gaji Berdasarkan Taraf Pendidikan 2015-2016



Sumber: Jabatan Statistik Malaysia

Akses pendidikan juga menentukan taraf kehidupan individu kelak dari segi kesihatan. Dr Susan M Goodman seorang penyelidik perubatan daripada Hospital Weill Cornell Medicine di New York telah menerbitkan kajian menyatakan bahawa taraf kesihatan seseorang individu berkait rapat dengan taraf pendidikan [8]. Individu yang pendidikan bertaraf tinggi memiliki pemahaman yang baik dari segi penjagaan kesihatan.

Revolusi Industri 4.0 merupakan satu terma yang mula digunakan mulai 2012 di Jerman untuk merumuskan perubahan sistem industri moden kepada industri berasaskan digital dan automasi [9]. Dalam dunia industri 4.0, kebanyakan buruh kasar akan diganti dengan teknologi. Sebagai contoh perubahan;

- I. Jurujual plaza tol diganti dengan pembayaran elektronik
- II. Kewujudan laman sesawang yang menjual barangan
- III. Tesco IOI City Mall, menggunakan kiosk bayar sendiri tanpa pekerja
- IV. Pawagam mula menggunakan sistem beli tiket dalam talian
- V. Perisian perakaunan menyebabkan khidmat kerani tidak diperlukan

Menghentikan perkembangan teknologi merupakan suatu perkara mustahil serta menyebabkan Malaysia terpinggir. Tanpa latihan dan pendidikan yang berkualiti kepada semua dengan percuma, kebanyakan pekerja kasar khususnya daripada B40 akan kehilangan pekerjaan dan menganggur. Kerajaan bertanggungjawab untuk menyediakan generasi seterusnya untuk menghadapi perubahan ini dan memastikan revolusi teknologi daripada menjadi satu krisis masyarakat [10].

3.1) Prasekolah Awam Percuma untuk Semua

Prasekolah merupakan satu fasa pendidikan yang cukup penting dalam sistem pendidikan formal. Namun, pendidikan awal kurang dibincangkan di Malaysia khususnya dalam kalangan golongan B40. Pelbagai kajian dari dalam dan luar negara telah mengukuhkan hujah bahawa akses prasekolah merupakan antara faktor penting dalam pembangunan modal insan untuk jangka masa panjang.

Pemenang Anugerah Nobel (Ekonomi) Dr. James J. Heckman PhD membuktikan dalam konteks matematik dan sains bahawa fasa paling penting dalam pembangunan modal insan adalah prasekolah serta berkait rapat dengan kejayaan pada waktu dewasa [11]. Kerajaan persekutuan memiliki polisi dan modul yang kukuh untuk pendidikan prasekolah namun telah menyerahkan akses kepada pihak swasta. Pihak swasta yang bermotifkan keuntungan tidak ketinggalan dalam mengaut seberapa banyak keuntungan yang mampu daripada ibu bapa.

Berdasarkan sifatnya, prasekolah swasta boleh dikategorikan kepada dua iaitu;

A. Prasekolah Elit

- I. Menggunakan model francais atau rangkaian
- II. Memiliki pelbagai jenis yuran dan bayaran seperti seragam, lawatan, majlis hingga mencecah beribu-beribu untuk seorang pelajar setahun
- III. Terletak di kawasan bandar dan fokus kepada orang berada sahaja
- IV. Banyak melakukan iklan dengan kanak-kanak berpakaian doktor, jurutera, saintis dalam media massa
- V. Cuba menarik kanak-kanak pada umur yang awal ke prasekolah
- VI. Mewujudkan persaingan yang tidak sihat di antara kanak-kanak kecil

B. Prasekolah Kecil

- I. Berasaskan model milik persendirian
- II. Menggunakan agama dan kaum dalam pengiklanannya
- III. Menggunakan rumah atau rumah kedai sebagai premis
- IV. Masalah dari segi tenaga pengajar tetap dan bertauliah
- V. Yuran dalam kadar RM400 hingga RM2400 setahun
- VI. Memberi khidmat penjagaan kanak-kanak
- VII. Sering kali mencampur kanak dari pelbagai usia
- VIII. Kebanyakan tidak memiliki modul pengajaran yang tetap

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan beberapa agensi lain di Malaysia memberikan khidmat prasekolah di Malaysia namun perhatian diberikan kepada prasekolah KPM kerana modul yang berkualiti [12]. Modul prasekolah KPM menitik berat penggunaan otot melalui permainan di samping pengenalan abjad dan nombor. Perkara ini merupakan sesuatu yang luar biasa kerana pihak swasta seringkali dikatakan memberikan perkhidmatan yang berkualiti namun pada realitinya prestasi pra-sekolah jauh lebih berkualiti.

Dalam senario prasekolah awam jauh lebih maju dan tidak menggalakkan persaingan dalam kalangan kanak-kanak. Prasekolah awam memberi penekanan tumbesaran kanak-kanak. KPM mendapatkan khidmat nasihat daripada ahli akademik dari pelbagai bidang untuk menghasilkan modul prasekolah. Tindakan KPM dipuji dan akses seharusnya diperkembangkan kepada semua kanak-kanak.

Prasekolah KPM beroperasi di dalam kawasan sekolah rendah kerajaan. Guru-guru di prasekolah KPM didapati jauh lebih mesra ketika mengendalikan kanak-kanak berbanding guru sekolah rendah di sekolah yang sama. Hal ini kerana beban kerja dan waktu kerja prasekolah tidak seberat berbanding guru sekolah rendah.

Guru prasekolah KPM memberi perhatian yang lebih kepada kanak-kanak yang ketinggalan dalam kelas. Maka, kemajuan pelajar prasekolah awam agak konsisten berbanding di sekolah swasta yang memiliki pecahan berdasarkan pencapaian akademik. Hujah prasekolah awam bersifat rasis terhadap kanak-kanak merupakan sebuah hujah yang tidak berasas kerana tiada sebarang unsur rasis dapat dikesan di mana prasekolah awam sepanjang pemerhatian.

Masalah dengan sistem prasekolah Malaysia adalah penekanan penglibatan sektor swasta dalam prasekolah seperti di sektor pengajian tinggi oleh kerajaan. Penekanan ini sangat membingungkan kerana kualiti sektor swasta yang tidak setaraf prasekolah KPM walaupun yuran prasekolah swasta yang tidak munasabah. Banyak prasekolah awam tidak mempunyai sumber yang mencukupi dari segi ruang dan guru maka pengambilan kanak-kanak oleh prasekolah awam adalah terhad maka ramai kanak-kanak tidak akan berjaya masuk ke prasekolah milik KPM.

Kos pendidikan prasekolah swasta yang tinggi telah mewujudkan keadaan sama ada kanak-kanak B40 tidak mampu ke prasekolah atau menyebabkan tekanan kepada kewangan isi rumah B40. Perhatian khas perlu diberikan di kawasan pedalaman, komuniti orang Asal, Sabah dan Sarawak. Kebanyakan prasekolah swasta tidak dimulakan dengan modal yang besar seperti IPTS maka kerajaan tidak perlu menyediakan pampasan yang besar untuk menutup prasekolah swasta.

KPM wajar menghentikan pemberian lesen kepada sektor swasta serta mengembangkan prasekolah awam. Akses kepada prasekolah awam perlu diwujudkan berdekatan komuniti yang berisiko tinggi seperti;

- I. Penempatan terancang FELDA, FELCRA
- II. Kampung Orang Asal di Semenanjung
- III. Kampung Orang Asli di Sabah dan Sarawak
- IV. Penempatan ladang-ladang
- V. Kampung Baru di luar bandar
- VI. Kampung Warisan pertanian dan nelayan
- VII. Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar

3.2) Pengangkutan Bas Sekolah di Pedalaman

Bas sekolah persendirian tidak mahu mengambil pelajar di pedalaman kerana kadar keuntungan kecil telah menjejaskan akses pendidikan pelajar sekolah. Situasi bertambah teruk jika ibu bapa pelajar terpaksa keluar awal dari rumah untuk ke sawah atau ladang. Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) harus menyediakan bas sekolah secara PERCUMA untuk pelajar kawasan luar bandar. Jarak jauh sekolah boleh mendorong ibu bapa untuk tidak mahu hantar pelajar ke sekolah kerana perlu turun awal pagi ke sawah, kebun, laut atau ladang. Isu pengangkutan ke sekolah bukan isu terpencil kerana telah dikesan di kawasan kampung pertanian, nelayan, ladang-ladang dan penempatan Orang Asal/Asli.

Sebagai contoh di Ladang Mary di Kuala Selangor, sekolah menengah yang terdekat terletak sebanyak 14km iaitu SMK Bestari Jaya. Kebanyakan pekerja ladang dan petani akan turun bekerja seawal 5 pagi dan pulang selepas 2 petang sahaja maka pelajar terpaksa bergantung kepada bas untuk sekolah. Pengusaha bas sekolah tidak mahu ke ladang dan luar bandar tersebut kerana jauh dan tidak menguntungkan. Pendapatan rendah di luar bandar menyebabkan ketidakmampuan membayar caj bas sekolah yang tinggi. Beberapa kawasan luar bandar hanya diusahakan oleh satu atau dua individu dengan bas yang lapuk dan seringkali tidak menepati masa.

Pengusaha bas di luar bandar selalunya menggunakan bas sekolah yang lama kerana masyarakat sedia tidak mampu membayar caj bas sekolah tinggi. Bas sekolah lama kerap kali mengalami kerosakan menyebabkan kehadiran pelajar ke sekolah yang tidak konsisten membantut pendidikan pelajar. Wujud juga situasi pelajar menunggu beberapa jam dalam panas atau hujan selepas sekolah. Ini menyumbangkan kepada kadar ponteng di sekolah luar bandar yang tinggi berbanding bandar. Ibu bapa enggan bersuara kerana takut pengusaha bas sedia ada akan menghentikan perkhidmatan.

Ahli politik populasi didapati memberikan baucar bas sekolah kepada masyarakat pedalaman yang tidak mampu bertahan lebih 2 bulan. Pengusaha bas sekolah dari bandar yang rakus akan menghantar bas sekolah lama yang tidak digunakan di bandar dengan pemandu tidak bertauliah ke luar bandar. Baucar bas sekolah kemudian akan diambil sebagai bayaran penuh untuk lebih kurang 2 hingga 3 bulan. Selepas itu, pengusaha bas tidak akan endahkan pelajar luar bandar yang miskin dan menarik semula perkhidmatan mereka daripada kawasan luar bandar.


Beberapa parti politik kanan melancarkan skim bas sekolah yang diletak dibawa cawangan parti. Kebiasaannya, parti tersebut akan melaksanakan perkhidmatan untuk beberapa bulan sebelum diberhentikan serta bas sekolah tersebut disewakan untuk keuntungan peribadi ahli politik tempatan. Ahli politik kanan tempatan yang berniat keuntungan juga tidak boleh dipercayai untuk membantu rakyat marhaen. Memberikan perkhidmatan bas sekolah tidak memerlukan kos modal awal yang tinggi kerana menggunakan bas sekolah sedia ada milik kerajaan.

Kebanyakan sekolah berprestasi tinggi, sekolah awam dan sekolah asrama di setiap daerah telah dilengkapi bas kegunaan sekolah tersebut. Lazimnya bas ini tidak digunakan setiap hari, maka, bas tersebut boleh dipindah milik berserta pemandunya ke bawah pengurusan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk digunakan di kawasan pedalaman. Perkongsian bas sekolah selaras dengan keadilan sosial berbanding dengan senario dimana satu sekolah elit memiliki bas sendiri yang tidak digunakan selalu manakala pelajar pedalaman merana kerana tiada memiliki akses yang konsisten ke sekolah.

Gambar 2: Bas Yang Dimiliki Sekolah Awam



Gambar 3: Struktur Pelaksanaan Bas Sekolah Pedalaman oleh Kerajaan



3.3) Skim Kelengkapan Pendidikan Malaysia (SKPM)

Setiap permulaan sesi sekolah baru, rintihan ibu bapa membeli buku latihan cetakan sekolah, baju seragam dan yuran didengari. Perbelanjaan kelengkapan sekolah terdiri daripada lencana, pakaian seragam, tali leher, kasut kepada buku log sains dan buku matematik menelan belanja hampir RM400 termasuk pakaian seragam, sukan dan badan beruniform untuk seorang pelajar. Jikalau sebuah keluarga memiliki 2 orang anak, maka perbelanjaan awal ibu bapa akan mencecah RM800. Dengan gaji minima yang ditetapkan kerajaan berada di paras RM1000, maka ini merupakan 80% daripada gajinya setiap awal tahun [13][14].


Jadual 2: Kos Kelengkapan Pelajar Sekolah Untuk Setahun

Perkara	Harga (RM)	Set Bilangan	Jumlah (RM)
Pakaian Seragam	RM70.00	3	210.00
Pakaian Sukan	RM40.00	1	40.00
Pakaian Badan Berseragam	RM50.00	1	50.00
Buku & Peralatan Sekolah	RM100.00	1	100.00
Jumlah Besar Kos Kelengkapan Sekolah (RM)			400.00

Sumber: Bancian

Ketidakmampuan ibu bapa untuk memenuhi kelengkapan pendidikan pada awal tahun selaras dengan kesengsaraan hidup. Walaupun data Bank Negara Malaysia (BNM) menyatakan Keluaran Dalam Negeri Kasar telah bertumbuh dengan pesat pada kadar 6.2% pada suku ketiga 2017 namun, 29% rakyat tidak mempunyai simpanan melebihi RM500 dan 15% rakyat Malaysia mengelakkan daripada makan sekali sehari kerana kesempitan kewangan [15] [16].

Rajah 6: Kajian Kesengsaraan Ekonomi Rakyat Malaysia oleh Merdeka Center



Sumber: Merdeka Center

Berdasarkan bancian dan penyelidikan, antara tindakan yang diambil oleh ibu bapa untuk memberikan keperluan pendidikan;

- I. Menjual atau menggadaikan barang kemas
- II. Meminjam wang di tempat kerja, ceti, bank dan saudara-mara
- III. Ibu bapa terpaksa ikat perut di tempat kerja
- IV. Menanggung bayaran bil (elektrik, air, sewa)
- V. Melakukan kerja sembilan pada waktu malam atau Sabtu/Ahad

Kesempitan hidup terutamanya dalam kalangan B40 rentetan daripada gaji rendah dan inflasi telah menjadikan pelajar-pelajar sekolah yang tidak berdosa menjadi mangsa sistem. Peraturan sekolah yang seringkali memperkenalkan peraturan baru seperti tag nama, lencana tambahan, dan tali leher telah menambah beban ibu bapa. Pelajar sekolah harus menukar baju seragam setiap tahun agar sejajar pertumbuhan badan, namun ibu bapa terpaksa membeli baju seragam yang lebih besar untuk digunakan untuk beberapa tahun.

Semakin hari ramai pelajar dirotan kerana memiliki kasut lusuh, memakai pakaian seragam yang terlalu ketat atau longgar, lusuh dan kotor kerana gaji rendah ibu bapa memaksa mereka untuk hadir ke sekolah dalam keadaan kurang kemas. Maka, pelajar menjadi mangsa buli dan ejekan kerana penampilan yang kurang kemas.

Pihak sekolah akan mendenda pelajar yang tidak berpenampilan kemas dan ini memberi tekanan emosi kepada pelajar seperti benci kepada alam persekolahan. Kajian yang lebih teliti mendedahkan kebanyakan pelajar tersebut adalah daripada kalangan golongan B40. Maka menyokong teori kita bahawa penampilan dan imej pelajar meningkat dengan pendapatan ibu bapa kerana kemampuan mereka untuk menyediakan kelengkapan sekolah.

Kekurangan kelengkapan sekolah menyebabkan pelbagai masalah seperti;

- I. diberhentikan sekolah oleh ibu bapa
- II. menjadi mangsa ejekan dan buli di sekolah
- III. kurang berkeyakinan dan seringkali duduk di belakang
- IV. prestasi pendidikan merudum
- V. kerap kali didenda oleh pihak sekolah

Sistem subsidi(baucar) kelengkapan kerajaan kepada golongan pendapatan rendah tidak berjaya kerana kebanyakan pelajar telah terlepas pandang. Baucar pendidikan juga kerap kali ditukar kepada wang tunai oleh ibu bapa pada harga rendah daripada nilai asal. Hal ini kerana, ibu bapa terdesak untuk wang untuk memenuhi keperluan kehidupan seperti makanan, sewa rumah, bil elektrik dan air. Dengan hanya perbelanjaan bernilai RM2 bilion setahun untuk 5 juta pelajar sekolah di Malaysia maka kelengkapan pendidikan dapat diberikan secara percuma. Ini akan meringankan beban kewangan ibu bapa dan mewujudkan sistem yang sama rata untuk semua yang akan membuang tekanan hidup terhadap pelajar dan ibu bapa.

3.4) Menghapuskan Semua Jenis Bayaran di Sekolah

Semua jenis yuran harus dihapuskan serta-merta selepas isu pelajar dirotan sebanyak 12 kali kerana ibu bapanya lewat membayar yuran PIBG [17]. Pada asasnya yuran PIBG adalah bukan paksaan namun selepas potongan penyelenggaraan sekolah selama beberapa tahun berturut, pengurus-pengurus sekolah terpaksa bergantung kepada yuran PIBG dan menaikkan hingga RM150 untuk sekolah harian dan RM400 di sekolah asrama untuk menampung kos penyelenggaraan sekolah [18].

Sebarang bayaran daripada ibu bapa kepada sekolah seperti jamuan akhir tahun, yuran kelab dan persatuan, yuran PIBG, pembelian buku latihan tambahan, kos fotostat, caj majlis hari guru, caj majlis hari anugerah dan sebagainya harus dimansuhkan. Ramai kanak-kanak miskin berasa tersisih apabila tidak hadir ke jamuan akhir tahun yang dikenakan bayaran tinggi. Guru-guru yang mengalami tekanan kewangan juga mewajibkan pelajar membeli buku latihan yang khas untuk pendapatan sampingan daripada komisen penerbit buku.

Dengan gaji minima RM1,000, ramai ibu bapa tidak mampu membayar yuran dan caj sekolah yang berada dalam lingkungan RM200 hingga RM800 setahun untuk seorang pelajar. Keadaan di luar bandar adalah jauh lebih teruk kerana pendapatan bulanan penoreh getah dalam lingkungan RM500 hingga RM600 sahaja. Yuran PIBG tinggi dipersetujui oleh AJK PIBG sekolah yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan tinggi. Ibu bapa berpendapatan rendah tidak akan terlibat dengan PIBG kerana kekangan masa akibat bekerja lebih masa untuk pendapatan lebih.

Kos dan yuran pendidikan yang semakin tidak munasabah ini mewujudkan satu jurang baru dalam pendidikan awam di Malaysia. Ibu bapa mula menghantar anak mereka ke sekolah yang mempunyai yuran dan caj rendah khususnya di bandar. Ini menyebabkan wujud sekolah awam bertaraf "elit" dan "marhaen" di Malaysia secara tidak langsung. Polisi seperti sekolah berprestasi tinggi, "*premier school*", sekolah kluster kecemerlangan dan sekolah bestari telah mengukuhkan jurang ini.

Temu ramah dengan ibu bapa berpendapatan rendah dan tinggi serta analisis terhadap perbelanjaan mendedahkan bahawa kebanyakan kutipan PIBG disalurkan untuk majlis dan cenderahati untuk pegawai kerajaan dan ahli politik. Malah, beberapa PIBG sekolah vernakular dan sekolah awam elit menanggung lawatan bercuti atau menawarkan peralatan teknologi canggih untuk keputusan peperiksaan kerajaan yang cemerlang kepada guru dan pelajar.

Jikalau setiap sekolah diberikan dana penyelenggaraan yang mencukupi, nescaya sekolah tidak perlu menekan ibu bapa pelajar untuk bayaran tambahan. Kerajaan persekutuan harus memansuhkan sebarang jenis yuran dan bayaran terhadap ibu bapa dengan menanggung sepenuhnya penyelenggaraan pengurusan sekolah.

3.5) Menghapuskan Semua Yuran Pendidikan Tinggi

Beberapa mekanisme boleh diaplikasikan untuk mengambil alih semua atau menjadikan IPTS sedia ada percuma berdasarkan 4 jenis pemilikannya;

- I. Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) milik kerajaan Putrajaya
- II. Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) milik kerajaan negeri
- III. Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) milik syarikat kerajaan
- IV. Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) milik Majilis Amanah Rakyat (MARA)
- V. Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) milik persendirian

Berdasarkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), terdapat 487 IPTS di pada 31 Oktober 2017 dengan 388 kolej di seluruh Malaysia dan sebanyak 8 kolej telah ditutup antara bulan Ogos 2017 hingga Oktober 2017 [19].

Jadual 3: Pecahan IPTS Pada 31 Julai 2017

Jenis (31 Julai 2017)	IPTS (Kampus Utama)	IPTS (Kampus Cawangan)	Jumlah
Universiti	46	7	53
Kolej Universiti	31	4	35
Cawangan Universiti Luar Negara	9	1	10
Kolej	397	0	397
Jumlah	483	12	495

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi

Jadual 4: Pecahan IPTS Pada 31 Oktober 2017

Jenis (31 Oktober 2017)	IPTS (Kampus Utama)	IPTS (Kampus Cawangan)	Jumlah
Universiti	46	7	53
Kolej Universiti	32	4	36
Cawangan Universiti Luar Negara	9	1	10
Kolej	388	0	388
Jumlah	475	12	487

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi

Jadual 5: Perbandingan Pecahan Kolej Pada 31 Julai 2017 dan 31 Oktober 2017

Jenis (Perbandingan)	31 Julai 2017	31 Oktober 2017	Perbezaan
Universiti	53	53	0
Kolej Universiti	35	36	1
Cawangan Universiti Luar Negara	10	10	0
Kolej	397	388	-9
Jumlah	495	487	-8

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi

Pendidikan merupakan satu perkhidmatan yang tidak boleh dikomersialkan kerana kos yang tinggi perlu disuntik untuk memastikan taraf kualiti serta akses kepada seluruh lapisan masyarakat. Sifat pihak swasta yang bermotifkan keuntungan khususnya “kolej cendawan” sama ada enggan ataupun tidak mampu melabur dalam pembangunan pensyarah serta infrastruktur yang lengkap. Kolej cendawan merupakan satu terma untuk menyimpulkan kolej kebiasaannya berada di tingkat rumah kedai atau pusat komersial tanpa silibus dan pensyarah bermutu.

Kerajaan persekutuan mempunyai polisi untuk meningkat jumlah pensyarah yang memegang Ijazah Falsafah (PhD) di IPTA kepada 75% sebelum 2020. Polisi ini merupakan satu tindakan wajar dan disokong penuh kerana kualiti tenaga pengajar merupakan faktor penting dalam kualiti pendidikan. Namun, situasinya tenaga pengajar jauh lebih menyedihkan di IPTS.

Kualiti tenaga pengajar akademik di sektor swasta boleh dipersoalkan kerana hanya 13.3% daripada seluruh tenaga pengajar memiliki Doktor Falsafah (PhD) pada 2013 [20]. Kebanyakan tenaga pengajar akademik berkecualan tinggi tertumpu di Universiti Swasta milik MARA dan GLCs bukannya di kolej cendawan. Ini merupakan satu masalah serius kerana kualiti pelajar berkait rapat dengan kualiti tenaga pengajar dan perlu dipandang serius.

Jadual 6: Pecahan Kelayakan Tenaga Pengajar 2013

Kelayakan Tenaga Pengajar	IPTA	IPTS	POLY	KK
Ijazah Falsafah (PhD)	11,838	3,249	43	3
Sarjana Tinggi (Masters)	17,066	10,106	2,302	505
Sarjana Muda (Bachelor)	3,346	8,551	4,367	1,819
Diploma	132	1,269	544	486
Lain-Lain	134	1,301	0	3
Jumlah Tenaga Pengajar	32,516	24,476	7,256	2,816

Sumber: Penang Insitute

Jadual 7: Pecahan Kelayakan Tenaga Pengajar 2013

Kelayakan Tenaga Pengajar	IPTA (%)	IPTS (%)	POLY (%)	KK (%)
Ijazah Falsafah (PhD)	36.40%	13.30%	0.60%	0.10%
Sarjana Tinggi (Masters)	52.50%	41.30%	31.70%	17.90%
Sarjana Muda (Bachelor)	10.30%	34.90%	60.20%	64.60%
Diploma	0.40%	5.20%	7.50%	17.30%
Lain-Lain	0.40%	5.30%	0.00%	0.10%
Jumlah Tenaga Pengajar	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%

Sumber: Penang Insitute

Kolej cendawan juga bersifat rasis dalam mendapatkan pelajar khususnya daripada kalangan B40 dan luar bandar. Pengusaha kolej akan menggunakan agama atau perkauman ketika mempromosikan kolej sebagai penyelamat bangsa (*"race champion"*) khususnya kepada ibu bapa dengan menanam ketakutan tentang masa depan anak muda. Pengusaha kolej cendawan akan mempromosi kolej di radio dan surat akhbar tempatan untuk mendapatkan anak muda daripada kaum mereka dengan mengaitkan dengan falsafah agama dan kaum.

Pengusaha kolej juga melantik ejen dan menghantar ejen ke ladang, Felda, kampung warisan, pusat perumahan rakyat dan kampung baru untuk mendapatkan pelajar. Modus operandi ejen pengusaha kolej adalah hadir ke majlis keramaian seperti majlis agama di kuil, kuliah masjid atau perkahwinan untuk berkenalan dengan ibu bapa. Hasil siasatan mendalam telah mendedahkan bahawa ejen kebiasaannya akan berjumpa dengan orang tempatan lebih awal untuk mendapat maklumat dalaman warga komuniti tersebut sebelum memulakan aksi memujuk ibu bapa.

Berdasarkan hasil temu ramah kepada ibu bapa yang menghantar anak mereka ke kolej cendawan beberapa alasan yang kerap kali digunakan oleh ejen dan pengusaha kolej adalah;

- I. Kalau tidak sambung belajar selepas SPM, kelak kena cuci pinggan
- II. Bukan Melayu tidak akan dapat kolej (teknikal & politeknik) kerajaan, tidak perlu susah memohon ke kolej kerajaan
- III. Keputusan akademik anak lemah, mesti tidak dapat kolej (teknikal & politeknik) kerajaan. Baik masuk kolej (cendawan) ini.
- IV. Kolej kerajaan merosakkan akhlak, baik masuk kolej (agama)
- V. Kalau tidak belajar, anak (bukan Melayu) akan ditindas
- VI. Kolej (cendawan) ini memberikan elaun sara diri dan asrama
- VII. Menunjukkan iklan kolej dengan model Anglo-Saxon (*"mat salleh"*)
- VIII. Mempromosi bantuan pendidikan maka ibu bapa tidak perlu risau kos
- IX. Memberi peralatan teknologi jikalau masuk ke kolej (cendawan) ini.

Satu persoalan yang kerap kali ditanya ialah bagaimanakah kolej cendawan ini mampu memberi penginapan percuma dan elaun sara hidup apabila universiti awam yang lebih kaya tidak mampu menyediakan fasiliti tersebut tanpa bantuan kerajaan persekutuan. Pengusaha kolej cendawan akan melantik juru-perunding biasanya daripada profesion akauntan untuk melakukan pengiraan untuk pengusaha kolej.

Perunding akan melakukan pengiraan akhir yuran pengajian yang termasuk kos sara hidup, asrama, kos pengajian dan untung bersih pengusaha kolej. Pengusaha kolej cendawan kemudiannya akan memastikan pelajar tersebut mendapat pinjaman pendidikan berdasarkan yuran akhir yang disediakan oleh perunding. Kos sara hidup akan dibayar ke dalam akaun pelajar dan yuran asrama kepada pengurus asrama (biasanya spekulator hartanah) yang dilantik oleh pengusaha kolej.

Pengusaha kolej cendawan bekerjasama dengan pihak pengurusan asrama untuk mengenakan kos asrama yang tinggi. Pengusaha kolej mewajibkan pelajar tinggal di asrama. Pelajar yang tinggal di luar boleh tidak akan mendapatkan elaun asrama. Pihak kolej kerap kali menggunakan alasan bahawa pelajar terlibat dalam gejala minuman keras, seks rambang dan mangsa jenayah untuk menakutkan ibu bapa yang datang berunding untuk mengelakkan pelajar daripada meninggalkan asrama.

Kolej cendawan khususnya di bandar raya kerap kali mengambil pensyarah separuh masa yang bekerja di tempat lain pada waktu kerja. Selain itu, banyak kolej mempunyai masalah ruang kerana kekurangan dana untuk kampus. Maka, banyak kolej cendawan mengadakan kelas pada hari Sabtu, Ahad atau selepas waktu kerja. Jadual kolej cendawan mengganggu waktu riadah pelajar hingga menyebabkan banyak aktiviti keluarga pelajar dielakkan kerana sifat kolej cendawan. Ini merampas kegembiraan dan kebebasan mahasiswa/i demi keuntungan pengusaha kolej. Hampir 46% IPTS berada masalah kewangan serius dan memiliki hutang melebihi aset mereka. Kolej tersebut tidak mampu menyelesaikan hutangnya dalam keadaan terdesak dan membabitkan hampir 120,000 [20]. Isu IPTS tutup bukan suatu perkara luar biasa sehinggakan media massa tidak memberikan liputan.


Pemberian pendidikan percuma menjejaskan kualiti pendidikan kerana pelajar tidak akan menghargai pendidikan merupakan hujah ketara pembangkang pendidikan percuma. Berdasarkan kenyataan mereka bahawa, keputusan di IPTS sepatutnya jauh lebih cemerlang berbanding IPTA yang memiliki subsidi yang sangat tinggi. Namun, 73% pengecualian pembayaran oleh PTPTN untuk ijazah kelas pertama diberikan kepada universiti awam.

Jadual 8: Pengecualian Pembayaran Bayaran (Ijazah Kelas Pertama)

Sektor	Pelajar	Peratus Pelajar (%)	Kos (RM "juta)	Peratus Kos (%)
Universiti Awam	30,444	73	667.15	54
IPTS	11,262	27	567.51	46
Jumlah	41,706	100	1234.66	100

Sumber: Laporan Statut PTPTN 2016

Rajah 7 : Pengecualian Pembayaran Bayaran (Ijazah Kelas Pertama)



Sumber: Laporan Statut PTPTN 2016

Kualiti pendidikan berkait rapat dengan kualiti infrastruktur, kualiti tenaga pensyarah dan ketenangan minda pelajar bukannya dengan pendidikan berbayar. Pelbagai kajian saintifik dan matematik telah menyangkal hujah pendidikan berbayar memiliki kualiti tinggi. Kerajaan dalam posisi yang kukuh untuk melabur dalam pembangunan modal insan berbanding pengusaha kolej swasta yang bermotifkan keuntungan.

Secara tuntasnya, pendidikan tidak boleh dikomersialkan kerana ia menyebabkan kualiti merudum, membesarkan jurang kekayaan serta meningkatkan tekanan hidup. Kerajaan persekutuan harus akur bahawa polisi pendidikan swasta jauh lebih memudaratkan rakyat berbanding sebarang manfaatnya yang diuar-uarkan. Kerajaan persekutuan harus mengambil alih pendidikan daripada swasta.

3.5.1) Menghapuskan Yuran IPTA Milik Kerajaan Persekutuan

Kini, punca kewangan utama IPTA adalah daripada bajet kerajaan persekutuan dan PTPTN. Berdasarkan Laporan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) 2016, PTPTN meluluskan dana sebanyak RM1.7 bilion kepada IPTA termasuk Universiti Awam dan Politeknik [21]. Jumlah dana terkumpul PTPTN yang dibayar kepada IPTA untuk 4 tahun adalah RM7.56 bilion atau RM1.89 bilion setahun. Yuran pengajian dapat dihapuskan dengan dana tambahan sebanyak RM 2 bilion setahun kepada IPTA oleh Putrajaya.

Jadual 8: Pecahan Jumlah Hutang PTPTN Diluluskan

TAHUN	IPTA (RM 'juta)	IPTS (RM 'juta)	Jumlah (RM 'juta)	IPTA (%)	IPTS (%)
1997	212.60	6.50	219.00	97.00%	3.00%
1998	369.40	29.10	398.50	92.70%	7.30%
1999	1,465.40	337.10	1,802.50	81.30%	18.70%
2000	1,445.40	311.60	1,757.00	82.30%	17.70%
2001	1,447.10	671.10	2,118.20	68.30%	31.70%
2002	1,531.60	428.60	1,960.30	78.10%	21.90%
2003	1,365.20	487.90	1,853.10	73.70%	26.30%
2004	1,567.40	699.80	2,267.20	69.10%	30.90%
2005	1,573.50	1,189.50	2,763.00	56.90%	43.10%
2006	1,795.20	1,426.50	3,221.70	55.70%	44.30%
2007	1,692.90	2,204.50	3,897.40	43.40%	56.60%
2008	1,791.20	2,244.60	4,035.90	44.40%	55.60%
2009	2,046.30	3,063.20	5,109.50	40.00%	60.00%
2010	2,582.80	3,510.70	6,093.50	42.40%	57.60%
2011	2,441.10	3,077.10	5,518.30	44.20%	55.80%
2012	2,253.20	2,874.00	5,127.20	43.90%	56.10%
2013	2,176.00	3,076.20	5,252.20	41.40%	58.60%
2014	1,949.80	3,126.50	5,076.30	38.40%	61.60%
2015	1,730.00	2,530.00	4,260.00	40.60%	59.40%
2016	1,700.00	2,600.00	4,300.00	39.53%	60.47%

Sumber : Laporan Statut Tahunan PTPTN 1997-2016

3.5.2) Pengambil-alih IPTS Milik Kerajaan Negeri

Mekanisma pembayaran hutang dengan aset ("*debt to assets swap*") antara kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan boleh digunakan untuk mengambil alih IPT milik kerajaan negeri. Hutang kerajaan negeri dapat dikurangkan atau dilupuskan dengan mengambil alih IPTS milik negeri untuk dijadikan IPTA dengan serta merta. Contohnya, nilai aset Kolej Universiti Islam Perlis (KUIP) adalah RM20 juta. Kerajaan negeri Perlis akan menyerahkan KUIP kepada Putrajaya dan Putrajaya akan mengurangkan hutang negeri sebanyak RM20 juta.

Jadual 9: Hutang Serta Kolej Milik (Langsung & Tidak Langsung) Kerajaan Negeri

Negeri	Hutang Negeri kepada Putrajaya (RM juta)	IPTS milik Kerajaan Negeri
Perlis	171.44	Kolej Universiti Islam Perlis (KUIP)
Kedah	1,028.85	Kolej Universiti INSANIAH
		Institusi Perguruan dan Integriti Kedah
Perak	23.86	Royal College of Medicine Perak (RCMP)
		Perak College of Technology
		Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)
Melaka	405.03	International College of Yayasan Melaka (ICYM)
		Melaka International College of Science and Technology
		Kolej Universiti Islam Melaka
Kelantan	391.89	Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
		Kolej Teknologi Darulnaim (KTD)
Terengganu	502.36	Kolej Ketengah
		Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu (TESDEC)
		TATI University College (TATIUC)
Pahang	1,087.93	Kolej Yayasan Pahang
		Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
Johor	334.54	Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ)
		Kolej Kemahiran Dan Teknikal Johor (JSTC)
		Institut Hospitaliti YPJ
		Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)

Sabah	30.76	University College Sabah Foundation (UCSF)
		Kolej Yayasan Sabah
Sarawak	36.54	University College of Technology Sarawak (UCTS)
		Swinburne University of Technology Sarawak
		Kolej Laila Taib
		Riam Institute of Technology
Selangor	14.67	Universiti Selangor (UNISEL)
		Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) & Laporan Ketua Audit Negara 2016

3.5.3) Pengambil-alih IPTS Milik Syarikat Kerajaan (GLCs)

Daripada kerajaan membina universiti yang akan memakan masa yang panjang adalah lebih rasional universiti swasta dan kolej universiti diambil alih khususnya IPTS milik syarikat kerajaan (GLCs). Kebanyakan IPTS milik GLCs berada dalam merupakan IPTS yang stabil dengan taraf jauh lebih baik daripada kolej cendawan. Kerajaan persekutuan merupakan antara pemilik terbesar IPTS tidak langsung di Malaysia. Mekanisme pembelian pegangan saham dengan aset ("share buyback") boleh dilaksanakan untuk mengambil alih IPTS milik GLCs.

Contohnya; Khazanah Nasional memiliki 26.21% saham TM pada 31 Oktober 2017 dengan nilai saham adalah RM6.350 seunit pada 31 Oktober 2017 [22][23]. Jumlah saham TM milik Khazanah Nasional adalah RM6.25 bilion. Dengan nilai buku MMU dipersetujui dengan RM250 juta. TM akan mengurangkan (membeli) saham TM milik Khazanah Nasional sebanyak 250 juta kepada RM6 bilion dengan memindah milik MMU kepada Khazanah Nasional. Khazanah Nasional kemudiannya menyerahkan MMU kepada kerajaan persekutuan sebagai dividen dalam bentuk aset. Mekanisme ini boleh tindak memerlukan peruntukkan dana daripada bajet persekutuan tahunan.

A) Khazanah Nasional

- I) Telekom Malaysia Berhad (TM) (26.21%)
 - Malaysian Multimedia College (MMC)
 - Malaysian Multimedia University (MMU)
- II) Tenaga Nasional Berhad (TNB) (28.9%)
 - University Tenaga Nasional (UNITEN)
- III) UEM Group Berhad (100%)
 - Kolej Yayasan UEM
- IV) IHH Healthcare Berhad (42.3%)
 - International Medical University (100%)

B) Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)

- I) Boustead Holdings Berhad
The University of Nottingham Malaysia Campus (51%)

C) Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS)

- I) PETRONAS
Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)
- II) M.I.S.C Berhad (62.67%)
Akademik Laut Malaysia (ALAM)

D) Ekuiti Nasional (Ekuinas) Berhad

- I) Ilmu Education Group (100%)
UNITAR International University (100%)
Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) (90%)
Cosmopoint College (90%)
- II) APIIT Education Group (100%)
Asia Pacific University of Technology & Innovation (100%)
Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT) (100%)

3.5.4) Menghapuskan Yuran IPTS milik Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) dibawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) menawarkan diploma, pra-universiti dan sijil kemahiran di bawah 6 jenis institusi pendidikan tinggi di seluruh negara [24] seperti;

- I. Kolej Profesional MARA (KPM)
- II. Kolej MARA (KM), UniKL
- III. Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM)
- IV. Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)
- V. German-Malaysia Insitute (GMI)
- VI. GIATMARA

Bahagian Pendidikan Tinggi MARA ditubuhkan untuk memberikan bantuan pendidikan khas kepada anak-anak golongan miskin di luar bandar seperti nelayan, peneroka Felda, petani, penternak kecil, kampung, orang Asal dan Orang Asli. MARA telah melahirkan ramai orang berjaya dalam pelbagai bidang dan merupakan satu model bantuan sosial ("social justice") yang berjaya. Namun, kos pendidikan dan hutang MARA yang makin membebankan sedang membunuh model MARA.

Berdasarkan interaksi dengan masyarakat luar bandar, ramai anak muda tidak rela meneruskan jikalau terpaksa berhutang tinggi untuk mendapatkan ijazah. Ramai anak muda luar bandar enggan bersuara kerana takut bantuan kerajaan kepada ibu bapa mereka khususnya petani, nelayan dan peneroka Felda akan ditarik balik. Disebabkan IPTS milik MARA merupakan aset kerajaan persekutuan maka tidak perlu mekanisme untuk diambil alih. Sekadar penambahan peruntukkan tahunan untuk menghapuskan yuran pendidikan di IPTS milik MARA.

3.5.5) Mengambil Alih dan Menstruktur Semula IPTS Milik Persendirian

Kerajaan persekutuan yang memberikan lesen kepada pengusaha IPT swasta yang menyebabkan ramai anak muda mangsa sistem. Maka, kerajaan persekutuan Malaysia wajar mengambil tanggungjawab terhadap kegagalan polisi mereka yang direka tanpa penglibatan rakyat. Penutupan semua kolej boleh mewujudkan sebuah krisis sosial dan perlu dilakukan dengan prihatin. Universiti dan kolej universiti yang stabil milik persendirian harus dibeli oleh pihak kerajaan manakala kolej cendawan wajar ditutup dan pelajaranya diserap ke dalam kolej kerajaan. Beberapa kampus cawangan boleh dipisahkan untuk menjadi sebuah kolej komuniti atau kolej vokasional. Tenaga pengajar yang bertauliah dan staf sokongan boleh diserap oleh kerajaan. Tuntasnya, IPTS milik persendirian perlu distrukturkan semula.


3.6) Mansuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan pada 1 Julai 1997 selepas Akta PTPTN 1997 (Akta 566) dengan tujuan memberi pembiayaan kepada mahasiswa/i [26]. Namun berdasarkan analisis bajet 1997, tujuan asal PTPTN ditubuhkan adalah untuk mengurangkan perbelanjaan sosial kerajaan untuk membiayai projek-projek mega. Kerajaan persekutuan pimpinan Mahathir Mohamad enggan memperkenalkan cukai baru terhadap maha kaya seperti cukai warisan dan cukai keuntungan modal untuk menampung kenaikan perbelanjaan.

Penswastaan kesihatan dibincangkan pada 1997 dan akta untuk mewujudkan hospital dan firma kesihatan swasta telah diluluskan pada 1998. Sewajarnya, kerajaan boleh meneruskan proses pembangunan infrastruktur tanpa memotong perbelanjaan sosial dengan cukai yang lebih progresif. Kerajaan pimpinan Najib Razak telah meluluskan ratusan lesen kepada kolej cendawan untuk memenuhi aspirasi pendidikan dengan jaminan bahawa PTPTN sebagai sumber yuran.

Secara kasarnya, masyarakat seringkali mencemuh graduan yang tidak bertanggungjawab jikalau enggan membayar hutang. Namun realitinya, kegagalan Putrajaya dalam mengagihkan kekayaan negara dengan adil merupakan isu tunjangnya. Berdasarkan laporan Gaji JobStreet 2017, gaji purata untuk graduan adalah dalam lingkungan RM1,800 hingga RM2,600 kecuali industri tembakau (RM3,000) [27].

Rajah 9 : Pecahan dan Pertumbuhan Gaji Graduan



Sumber : Bank Negara Malaysia


Kajian Bank Negara Malaysia mengukuhkan hujah gaji rendah graduan di Malaysia dengan mendedahkan sebanyak 53.7% graduan memiliki gaji dibawah RM2,000 dan tidak menunjukkan perkembangan yang positif selama 10 tahun [28]. Kadar inflasi tinggi khususnya selepas GST telah meninggikan kos sara hidup graduan. Walaupun ekonomi telah berkembang pesat namun graduan berserta buruh kasar merupakan antara golongan terakhir mendapat manfaat perkembangan ekonomi.

Graduan seringkali dituduh manja dan ketiadaan pengalaman ketika meminta gaji tinggi. Walaupun untung kebanyakan korporat dan syarikat telah bertambah lipat kali ganda namun gaji graduan tidak berganjak malah sering kali ditekan bawah dengan pelbagai alasan. Struktur ekonomi Malaysia yang mengekang kesatuan pekerja menyebabkan semua pekerja di Malaysia menjadi mangsa kepada gaji rendah yang ditetapkan majikan. Di negara maju, kesatuan kerja berbincang dengan majikan untuk kenaikan gaji dan bonus berdasarkan keuntungan syarikat [29].

Interaksi kesatuan kerja dengan majikan amat jarang di Malaysia kerana jumlah pekerja dalam kesatuan adalah 6% menurut Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Malaysia [30]. Nisbah gaji dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah jatuh daripada 33.8% pada 1970 kepada 32.9% di 2012 tetapi untung korporat telah naik 50% (1970) kepada 66.3% (2012) [31]. Ini merupakan satu bukti bagaimana mereka yang kaya menjadi semakin kaya di bawah polisi ekonomi neo-liberal yang dipelopori Mahathir Mohamad sebelum diperkasakan oleh Najib Razak.

Tuduhan bahawa mahasiswa/i seringkali memilih kursus yang tidak dikehendaki oleh majikan juga tidak berasas kerana kerajaan persekutuan lebih menekankan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) sejak 1991 [32]. Namun kajian Bank Negara Malaysia mendedahkan setiap sektor STEM yang diberi penekanan oleh kerajaan mencatatkan kadar pengangguran melebihi 23%.

Rajah 10 : Pecahan Pengangguran Berdasarkan Pendapatan Isi Rumah & Jurusan




Sumber: Bank Negara Malaysia

BNM juga mendedahkan bahawa kadar pengangguran menurun dengan pendapatan keluarga. Keluarga berpendapatan tinggi berbelanja lebih untuk pendidikan anak berbanding keluarga berpendapatan rendah. Maka anak daripada berpendapatan tinggi memiliki penguasaan Bahasa Inggeris rentetan pelaburan ibu bapa dalam tuisyen. Graduan daripada keluarga berpendapatan tinggi memiliki taraf pendidikan yang tinggi dan masuk ke universiti awam atau swasta yang bertauliah.

Pelajar daripada berpendapatan tinggi tidak memiliki tekanan kewangan seperti pelajar daripada berpendapatan rendah. Maka, tumpuan dan keputusan mereka dalam pendidikan adalah lebih baik berbanding pelajar miskin. Ibu bapa berpendapatan tinggi memiliki jawatan tinggi dalam syarikat dengan rangkaian yang luas. Maka, ibu bapa mampu mendapat pekerjaan untuk anak mereka.

Diskaun PTPTN 15% juga merupakan sebuah sistem yang regresif bagaimana kekayaan mengalir daripada orang miskin kepada orang kaya. Dalam Bajet 2017, Najib Razak telah mengumumkan bahawa graduan yang menyelesaikan hutang PTPTN sekaligus akan menerima 15% diskaun daripada baki akhir. Antara 22 Oktober 2016 hingga 31 Disember 2016, sebanyak 35,875 graduan telah membayar RM395.02 juta dan menerima subsidi sebanyak RM66.99 juta.

Rajah 11 : Pemberian Diskaun 15% (Penyelesaian Penuh)



Sumber: Laporan Statut PTPTN 2016

Secara purata seorang graduan telah membayar RM11,011 sekaligus. Dengan kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan graduan daripada keluarga berpendapatan rendah serta gaji awal graduan rendah bermakna penyelesaian penuh mampu dilakukan oleh graduan daripada keluarga berpendapatan tinggi dengan bantuan keluarga. Maka, bayaran graduan miskin dan cukai rakyat disalurkan sebagai subsidi kepada golongan yang berpendapatan tinggi. GMPP tidak menghalang pemberian pendidikan kepada anak muda daripada keluarga berada tetapi menentang pengaliran kekayaan daripada miskin kepada kaya.


PTPTN merupakan sebuah agensi dengan krisis kewangan yang tegar yang sepatutnya menjadi sebuah krisis kewangan tanpa bantuan kerajaan. Kadar inflasi yang tinggi serta gaji purata graduan yang rendah menyebabkan mereka tidak mampu membayar semula hutang PTPTN memaksa kerajaan memberi dana kepada PTPTN untuk memastikan PTPTN tidak menjadi bankrap. Walaupun banyak insentif dan tindakan diambil terhadap peminjam PTPTN namun kadar kutipan merudum. Amaun PTPTN yang tidak dapat dikutip semakin meningkat.

Jadual 11: Kutipan Hutang PTPTN 2011-2015

Tahun	Sepatutnya Dikutip (RM 'juta)	Berjaya Dikutip (RM 'juta)	Kadar (%)
2011	5,414.4	2,956.7	54.6
2012	7,710.6	3,757.2	48.7
2013	10,080.7	4,969.0	49.3
2014	12,635.0	5,685.6	45.0
2015	15,630.0	7,140.0	45.7

Sumber: Laporan Statut PTPTN 2011-2015

Rajah 8: Perbandingan Kadar Pengutipan Hutang



Sumber: Laporan Statut PTPTN 2011-2015

PTPTN telah melaporkan keuntungan terkumpul sebanyak RM562 juta daripada 2011 hingga 2015. Hal ini demikian, kerajaan telah memberi bantuan kewangan sebanyak RM6.4 bilion selama 5 tahun berturut-berturut. Tanpa bantuan kerajaan, kerugian terkumpul PTPTN ialah sebanyak RM5.9 bilion dalam tempoh yang sama.

Jadual 12: Rumusan Pendapatan & Perbelanjaan PTPTN

Perkara (RM “juta)	2011	2012	2013	2014	2015	Jumlah
Pendapatan	253	321	459	480	697	2,210
Perbelanjaan	1,150	1,376	1,811	1,756	2,011	8,104
Untung/Rugi	-897	-1,055	-1,352	-1,276	-1,314	-5,894
Bantuan Kerajaan	915	1,068	1,373	1,385	1,715	6,456
Untung/Rugi	18	13	21	109	401	562

Sumber: Laporan Statut PTPTN 2011-2015

Fenomena ini bukan sesuatu yang khas di Malaysia kerana dapat dikesan di hampir semua negara yang memiliki sistem hutang pendidikan tinggi. Contohnya di Amerika Syarikat, hutang pendidikan yang tidak dapat dikutip telah mencecah sebanyak US\$1.4trilion [33]. Yuran pendidikan swasta yang naik setiap tahun dengan gaji graduan yang rendah menyebabkan kadar mengutip hutang pendidikan merudum. Sistem pemberian hutang pendidikan tinggi merupakan sebuah model yang semestinya gagal kerana sifat regresifnya.

3.7) Mansuhkan Akta Universiti & Kolej Universiti (AUKU) serta Akta IPTS (555)

Universiti berasal daripada perkataan Latin “*Universe*” yang bermaksud institusi tersendiri. Ilmu pengetahuan hanya mampu berkembang apabila tiada kekangan [25]. Namun campur tangan kerajaan daripada pentadbiran sehingga Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) melalui AUKU menyebabkan perkembangan intelek negara merudum. Malah, banyak pensyarah dan mahasiswa telah dikecam ataupun dibuang apabila pendapat mereka bercanggah dengan kerajaan persekutuan.

Mekanisma di mana kerajaan menentukan hala tuju universiti harus dihentikan kerana pengurus universiti tentu jauh lebih arif tentang hala tuju universiti. Kini, terdapat campur tangan daripada kerajaan dalam pemberian tempat, lantikan pensyarah dan polisi. Terdapat unsur kronisma dalam pemberian kontrak penyelenggaraan universiti. Pihak pengurusan seringkali dipaksa menerima polisi “*pro-business*” Putrajaya. Walaupun kualiti kerja kontraktor tidak memuaskan, pihak pengurusan hanya mampu merungut.


Berdasarkan bancian daripada 1,200 orang dari pelbagai lapisan masyarakat (bandar, luar bandar dan pedalaman, Sabah & Sarawak) dalam lingkungan usia 16 hingga 66 tahun daripada semua kaum secara umumnya rakyat Malaysia menyokong agar autonomi diberikan kepada semua universiti di Malaysia.

Jadual 10: Pendapat Rakyat Tentang Autonomi IPT

Soalan	Ya	Tidak
Kerajaan Perlu Membebaskan Pentadbiran IPT	1021	138
Kerajaan Perlu Memberikan Dana Kepada IPT dengan penuh	1101	58
Yuran Harus Dimansuhkan di Semua IPTA	1128	31
Profesor Merupakan Golongan Terbaik Dalam Mentadbir Universiti	1141	18
Pelajar dan Pensyarah Wajar Terlibat Dalam Isu Politik Semasa	1138	21
Majlis Perwakilan Pelajar dibebaskan daripada Pengurusan IPT	816	343

Sumber: Bancian

Rajah 7: Bancian Pendapat Autonomi IPTA



Sumber: Bancian

Rakyat Malaysia bersetuju bahawa dana untuk pengurusan dan penyelenggaraan harus datang daripada kerajaan tetapi tidak percaya dengan kerajaan dalam hal ehwal pentadbiran. Bancian ini juga mendedahkan tahap kepercayaan rakyat biasa terhadap golongan cendekiawan. Lebih 95% berpendapat bahawa profesor merupakan orang terbaik dalam mentadbir universiti. AUKU merupakan sebuah akta yang bersifat “kuku besi” di mana kebebasan akademik dan pengurusan dirampas daripada golongan teknokrat. Banyak universiti yang agung di persada dunia merupakan universiti yang memilik autonomi yang tinggi dari segi pentadbiran dan penyelidikan walaupun dibiayai penuh oleh kerajaan negara masing-masing.

Walaupun Seksyen 15 dalam AUKU telah dimansuhkan untuk membenarkan mahasiswa/i untuk terlibat dalam politik namun tekanan politik masih wujud. Penglibatan politik dapat dilihat daripada tindakan terhadap mahasiswa/i yang terlibat dengan politik dan mengkritik Putrajaya seringkali diambil tindakan dengan alasan memalukan Universiti atau tidak mendapat kebenaran pihak universiti. Universiti Malaya juga baru-baru mengeluarkan kenyataan mengecam semua staf dan pelajar daripada mengkritikkan kerajaan kepada pihak media atau orang awam.

Akta IPTS (Akta 555) merupakan akta yang telah memberikan lesen kepada sektor swasta untuk membuka IPTS di Malaysia. Walaupun IPTS dimiliki pihak swasta Akta 555 juga memiliki sifat “kuku besi” dalam mengekang kebebasan mahasiswa/i dan pensyarah dalam terlibat isu rakyat. Kegagalan kerajaan mengawal selia kerakusan sektor swasta telah memangsakan mahasiswa/i menunjukkan bahawa pendidikan tidak boleh dikomersialkan. Jikalau Akta IPTS tidak dimansuhkan maka, kerajaan masa depan akan menggunakan Akta 555 untuk mewujudkan semula IPTS.

4.0) Perbelanjaan

Kos untuk menjadikan pendidikan percuma merupakan isu kerap kali menjadi perdebatan yang hangat. Namun, tiada kajian atau statistik yang kukuh pernah diutarakan sama ada dari pihak penyokong mahupun pembangkang. Maka, GMPP telah cuba mengira setepat yang mungkin perbelanjaan tambahan yang diperlukan untuk menjadikan pendidikan percuma daripada prasekolah sehingga ijazah pertama di Malaysia agar mitos kos tinggi dapat dikuburkan. Pengiraan untuk pendidikan percuma merupakan **DANA TAMBAHAN** yang perlu diperuntukkan dalam bajet tahunan dengan peruntukkan pendidikan sedia ada.

Perbelanjaan tersebut untuk pendidikan percuma terbahagi kepada dua;

I. Perbelanjaan Modal (CAPEX)

Perbelanjaan yang melibatkan kewujudan aset baru atau menghapuskan hutang sedia ada kepada bajet tahunan. Perbelanjaan modal boleh dibahagikan dalam satu tempoh masa yang sesuai. Dalam senario pendidikan percuma adalah kos menghapuskan PTPTN dalam tempoh masa 6 tahun.

II. Perbelanjaan Operasi (OPEX)

Perbelanjaan tahunan yang konsisten untuk memastikan kewujudan program tersebut. Perbelanjaan operasi yang perlu diperuntukkan setiap tahun dalam bajet tahunan dan tertakluk kepada kadar inflasi dan kecekapan pengurusan kerajaan. Dalam senario pendidikan percuma adalah kos menyelenggaraan pra sekolah awam, Skim Kelengkapan Pendidikan Malaysia (SKPM), bahan api dan pembaik pulih untuk perkhidmatan bas di pedalaman, dana tambahan penyelenggaraan untuk sekolah dan IPT.

4.1) Perbelanjaan Prasekolah Awam Percuma untuk Semua

Jadual 11: Pengiraan Kos Prasekolah Percuma di Malaysia

Perkara	Pelajar	Kos (RM)
Pelajar Prasekolah KPM	200,684	760,601,400
Purata Peruntukkan (Bajet 2018)	1	3,790
Pelajar Bukan Dalam Pra Sekolah KPM	614,726	2,329,811,540

Berdasarkan bajet 2018, kerajaan membelanjakan RM760,601,400 untuk 200,684 pelajar prasekolah [34]. Secara purata kerajaan membelanjakan RM3,790 untuk seorang pelajar prasekolah termasuk baju seragam dan buku. Terdapat lebih 614,726 kanak-kanak dalam lingkungan usia ke prasekolah tetapi bukan dalam arus prasekolah awam. Maka kerajaan hanya perlu memperuntukkan bajet tambahan sebanyak RM2,329,811,540 untuk menjadikan prasekolah percuma untuk semua.

4.2) Perbelanjaan Pengangkutan Bas Sekolah di Pedalaman

Oleh kerana pengangkutan bas sekolah pedalaman menggunakan bas dan pemandu sedia ada maka tiada keperluan modal tambahan hanya pembelian bahan api. Purata saiz tangki minyak sebuah bas adalah 280 liter dan mampu bertahan untuk seminggu. Terdapat 41 minggu persekolahan pada 2017 [35]. Jika 6 buah bas beroperasi di 149 daerah di Malaysia dengan anggaran tambahan minyak 10% dan kos pembaik pulih sebanyak 2 kali ganda maka;

Diesel (liter) = 149 daerah x 4 bas x 280 liter sebuah bas
= 166,880 liter

Kos (RM) = 166,880 x RM3.00(anggaran harga maksimu) x 2.1 (perbelanjaan lain)

Kos (RM) = RM1,051,344 (Bajet Tahunan)

4.3) Perbelanjaan Skim Kelengkapan Pendidikan Malaysia (SKPM)

Terdapat 4,873,928 pelajar sekolah di sekolah menengah dan rendah di seluruh Malaysia menurut statistik Kementerian Pendidikan Malaysia. Kos kelengkapan pendidikan untuk seorang pelajar berada dalam lingkungan RM400 seorang pelajar. Maka, peruntukkan tambahan sebanyak RM 1,949,571,200 diperlukan untuk menjadi kelengkapan pendidikan percuma.

Jadual 12: Pengiraan Kos SKPM

Jumlah Pelajar Sekolah Rendah	2,685,403
Jumlah Pelajar Sekolah Menengah	2,188,525
Jumlah Pelajar Sekolah KPM	4,873,928
Kos SKPM (RM 400 seorang pelajar)	RM 1,949,571,200

4.4) Perbelanjaan Menghapuskan Semua Jenis Bayaran di Sekolah

Dengan tanggapan hanya 2/3 yuran PIBG sekolah harian merupakan perbelanjaan produktif maka setiap sekolah memerlukan RM100 daripada setiap pelajar, KPM perlu memberikan dana tambahan sebanyak RM487,392,800 untuk penyelenggaraan.

Jadual 13: Pengiraan Dana Tambahan Sekolah

Jumlah Pelajar Sekolah Rendah	2,685,403
Jumlah Pelajar Sekolah Menengah	2,188,525
Jumlah Pelajar Sekolah KPM	4,873,928
Dana Tambahan (RM 100 seorang pelajar)	RM 487,392,800

4.5) Perbelanjaan Menghapuskan Semua Yuran Pendidikan Tinggi

Tanggapan pengiraan dana tambahan untuk menghapuskan yuran IPT;

- I. Dana tambahan yang diperlukan oleh IPTA bersamaan dengan jumlah pinjaman PTPTN.
- II. Kos operasi IPTS adalah bersamaan jumlah yuran mahasiswa/i yang diterima daripada PTPTN
- III. Kos sara hidup mahasiswa/i IPTA yang diberikan oleh PTPTN tidak dikeluarkan untuk mengambil kira potongan dana IPTA
- IV. Kos sara hidup mahasiswa/i IPTS yang diberikan oleh PTPTN tidak dikeluarkan untuk mengambil kos tambahan untuk membayar pensyarah bertauliah
- V. Yuran PTPTN yang diluluskan diagihkan dalam tempoh yang paling panjang iaitu 4 tahun untuk mendapatkan anggaran perbelanjaan paling rendah.

Jadual 15: Dana Tambahan Untuk Menghapuskan Yuran IPT

Tahun	IPTA (RM 'juta)	IPTS(RM 'juta)	Jumlah (RM 'juta)	IPTS (%)	IPTA (%)
2013	2,176.00	3,076.20	5,252.20	41.40%	58.60%
2014	1,949.80	3,126.50	5,076.30	38.40%	61.60%
2015	1,730.00	2,530.00	4,260.00	40.60%	59.40%
2016	1,700.00	2,600.00	4,300.00	39.53%	60.47%
Jumlah	7,555.80	11,332.70	18,888.50		

$$\begin{aligned}
 \text{Purata Yuran IPTA \& IPTS} &= (\text{Jumlah Kelulusan PTPTN 2013~2016}) / 4 \text{ tahun} \\
 &= (18,888.50 \text{ juta} / 4 \text{ tahun}) \\
 &= \text{RM } 4,722,125,000
 \end{aligned}$$

Maka dana tambahan diperlukan untuk menghapuskan yuran IPT adalah sebanyak RM 4,722,125,000 setahun.

4.6) Kos Mansuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Jadual 16: Dana Untuk Menghapuskan PTPTN

Perkara (Pada 31 Disember 2016)	Jumlah (RM)	Jumlah (RM)	Jumlah (RM)
Jumlah Liabiliti			43,341,900,789
Aset Bersih PTPTN			
Jumlah Aset PTPTN		50,910,610,455	
Pinjaman Pendidikan (Aset Semasa)	10,198,879,995		
Pinjaman Pendidikan (Aset Bukan Semasa)	30,003,198,455		
Jumlah Pinjaman Pendidikan (Aset Semasa + Aset Bukan Semasa)		40,202,078,450	
Aset Bersih PTPTN (Jumlah Aset- Pinjaman Pendidikan)			10,708,532,005
Dana Diperlukan (Untuk Hapuskan PTPTN)			32,633,368,784

Sumber: Laporan Statut PTPTN 2016

Aset bersih PTPTN yang boleh dicairkan kecuali hutang pendidikan adalah RM10.7 bilion manakala liabiliti PTPTN adalah RM43.3 bilion. Kerajaan perlu memberi RM32.6bilion (RM5.4 bilion dalam tempoh 6 tahun) untuk menghapuskan PTPTN.

4.7) Jumlah Perbelanjaan & Kos Penuh Pendidikan Percuma

Untuk tempoh 6 tahun yang pertama, kerajaan persekutuan perlu memperuntukkan sebanyak RM15 bilion setahun untuk menjadikan pendidikan.

Jadual 17: Jumlah Besar Pendidikan Percuma


PERKARA	JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)
Perbelanjaan Modal (Capex)		
Kos Penghapusan PTPTN (Sekaligus)	32,633,368,784	
Kos Penghapusan PTPTN (6 tahun)		5,438,894,797
Perbelanjaan Operasi (Opex)		
Prasekolah Awam Percuma Semua	2,329,811,540	
Pengangkutan Bas Sekolah di Pedalaman	1,051,344	
Skim Kelengkapan Pendidikan Malaysia (SKPM)	1,949,571,200	
Penghapusan Semua Jenis Bayaran Di Sekolah	487,392,800	
Penghapusan Semua Yuran Pendidikan Tinggi	4,722,125,000	
		9,489,951,884
Jumlah Dana Tambahan (RM)		14,928,846,681

4.8) Sumber Kewangan Pendidikan Percuma

Kerajaan kerap kali menyatakan negara akan bankrap kalau memberi pendidikan percuma atau perlu menaikkan cukai terhadap rakyat marhaen seperti di negara Eropah yang boleh mencecah hingga 50%. Nisbah gaji kepada Keluaran Dalam Negeri (KDNK) di Malaysia untuk 2016 adalah, 35.3% berdasarkan kajian MIDF [39] jauh berbanding dengan negara yang memberi pendidikan percuma yang memiliki nisbah gaji kepada Keluaran Dalam Negeri (KDNK) dalam lingkungan 50%.

Dalam bajet Pakatan Harapan 2018, sebanyak RM20 bilion dijangka dapat diijamatkan dengan membendung rasuah dan ketirisan perbelanjaan persekutuan. Namun, penjimatan tidak mencukupi kerana terdapat perbelanjaan sosial yang telah lama tertanggung selama sedekad selain pendidikan percuma seperti kenaikan gaji pekerja kerajaan, subsidi pengangkutan awam, penghapusan lebuhraya berbayar, pemberian elaun sara hidup warga emas dan pembinaan hospital baru.

Rajah 8: Nisbah Percukaian Kepada KDNK (%)



Sumber: Bank Dunia

Hanya sistem percukaian progresif khususnya terhadap yang maha kaya yang dapat menyediakan pendidikan percuma tanpa menjejaskan perbelanjaan sosial rakyat sedia ada. Nisbah percukaian kepada KDNK Malaysia merupakan di antara terendah di dunia dengan 15.5% di dunia [36]. Ini bermaksud masih terdapat ruang untuk memperkenalkan cukai baru di Malaysia. Sebarang cukai bersifat regresif seperti GST di mana jumlah cukai dibayar oleh rakyat berkurangan walaupun pendapatan bertambah dikecam sepenuhnya.

Cukai pendapatan perlu dikaji semula agar bersifat progresif dan bertambah mengikut pendapatan seseorang individu. Kenaikan cukai terhadap kelas pekerja di Malaysia tidak akan menjana dana yang secukupnya untuk membiayai pendidikan percuma sebab, hanya 15% daripada 14.6 juta pekerja di Malaysia yang memiliki pendapatan sebanyak RM2,851 dan layak membayar cukai pendapatan [37].

Laporan Bank Dunia, menyatakan Malaysia merupakan negara ke-40 terkaya di dari segi KNDK per kapita (PPP) [38]. Realitinya, kehidupan rakyat marhaen semakin sengsara berbanding 10 tahun lepas. Hal ini kerana kebanyakan kekayaan negara dimiliki segelintir maha kaya yang enggan menaikkan gaji walaupun kadar inflasi ataupun untung mereka telah bertambah berlipat kali ganda. Golongan maha kaya bukannya penerima gaji tetapi pemilik modal dan tiada sebarang cukai keuntungan modal ("capital gain tax") dikenakan. Maka kadar cukai kutipan negara rendah berbanding negara yang memberikan pendidikan percuma.


Pasaran modal Malaysia telah mula berkembang ketika perkembangan perindustrian dan merupakan satu komponen penting dalam ekonomi negara. Pertumbuhan terkumpul dalam pasaran modal Malaysia daripada 2010 hingga 2015 adalah sebanyak RM2.21 trilion ataupun RM 442 bilion setahun. Namun keuntungan modal merupakan satu pendapatan yang kerajaan enggan mengenakan cukai dengan tepat menyebabkan kerajaan kekurangan dana serta bank program sosial terpaksa dipotong dana atau dihentikan.

Jadual 18: Pertumbuhan Pasaran Modal 2010-2015

Jenis Modal	2010 (RM "trilion)	2015 (RM "trilion)	Perubahan (RM 'trillion)
Modal	2.04	2.82	0.78
Ekuiti (Saham)	1.28	1.7	0.42
Bon	0.76	1.12	0.36
Pelaburan Syariah	1.05	1.7	0.65
Jumlah (RM "trilion)	5.13	7.34	2.21

Sumber: Capital Market Malaysia (CM2)


Rajah 9: Pertumbuhan Pasaran Modal Malaysia 2010-2015



Sumber: Capital Market Malaysia (CM2)


Purata kadar pertumbuhan Bursa Malaysia antara 2010 hingga 2015 adalah 5.9% setahun dan jumlah keuntungan terkumpul di Bursa Malaysia dalam 5 tahun adalah sebanyak RM460 bilion ataupun RM92 bilion setahun. Bursa Malaysia mengalami kerugian sekali dalam tempoh 5 kerana pelabur-pelabur dari luar negara mengeluarkan modal yang dipegang mereka daripada pasaran Bursa Malaysia rentetan isu 1MDB dan kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia.

Rajah 9: Pertumbuhan Pasaran Modal Malaysia 2010-2015



Sumber: Capital Market Malaysia (CM2)

Rajah 10: Untung/Rugi (RM 'bilion') Bursa Malaysia 2011-2015




Sumber: Capital Market Malaysia (CM2)

Cukai yang dapat dijana daripada pasaran modal dikira dengan tanggapan pertumbuhan pasaran modal adalah secara linear (lurus) walaupun pada realitinya, pergerakan modal di pasaran bersifat naik turun setiap detik. Perubahan pemilikan setiap unit modal di pasaran mampu menambah dana kerajaan apabila pemodal membuat keuntungan. Dengan memperkenalkan cukai keuntungan modal sebanyak 4% terhadap maka kerajaan persekutuan secara konservatif dapat mengumpul dana sebanyak RM17.68 bilion setahun berdasarkan sejarah prestasi pasaran modal.

Cukai keuntungan modal bukan sesuatu yang baru tetapi telah lama diperkenalkan di negara maju serta negara membangun sebagai sumber pendapatan kerajaan tanpa menekankan kelas pekerja. Kebiasaannya golongan pendapatan rendah (B40) dan golongan menengah (M40) tidak akan memiliki saham mahupun deposit besar. Golongan pekerja akan menggunakan pendapatan mereka untuk memenuhi keperluan hidup seperti rumah, pengangkutan, makan, pendidikan dan kesihatan. Jumlah pegangan B40 dan M40 dalam saham agak rendah maka kurang terkesan.

Rajah 11: Kadar Cukai Keuntungan Modal (Saham) di Negara Lain (1 Julai 2012)



Sumber: OECD

Kerajaan persekutuan telah tergesa-gesa untuk mengenakan cukai GST yang telah memiskinkan kelas pekerja kerana kekurangan kuasa membeli dan kadar inflasi yang tinggi selepas GST. Namun, kerajaan persekutuan lebih mengutamakan kelas majikan serta maha kaya dengan mengurangkan kadar cukai korporat serta mengeluarkan banyak projek mega dan sistem kontrak yang menindas agar mereka terus mengaut keuntungan daripada hasil keringat kelas pekerja.

5.0) Rumusan

Pendidikan merupakan sebuah mekanisme mobiliti sosial yang efektif kerana akses kepada pendidikan yang berkualiti tanpa prejudis dan diskriminasi memastikan kualiti kehidupan yang tinggi dari segi pendapatan dan kesihatan. Penglibatan pihak swasta dalam pendidikan tinggi selama 20 tahun telah menunjukkan bagaimana motif keuntungan merosakkan kualiti pendidikan tinggi. Pembukaan pendidikan awal kepada pihak swasta telah mewujudkan persaingan yang tidak sihat dalam kalangan kanak-kanak. Pendidikan seharusnya melahirkan sebuah generasi yang sihat dan cerdas kerana mereka merupakan masa depan masyarakat. Jikalau generasi sekarang enggan mengambil langkah untuk menyelamatkan nescaya, mereka akan menjadi masyarakat tercicir kelak yang berpotensi menjadi beban ekonomi atau penjenayahan. Ramai anak muda tidak menjadi warga tercicir kerana kehendak sendiri tetapi kerana sistem yang regresif. Kerajaan perlu mengenakan cukai terhadap maha kaya yang mengumpul kekayaan hasil daripada keringat kelas pekerja untuk memastikan anak muda mendapat pendidikan percuma daripada prasekolah hingga ijazah pertama tanpa beban hutang atau tekanan kewangan.

B] PETIKAN & SUMBER

- [1] <https://tradingeconomics.com/malaysia/corporate-tax-rate>
- [2] Kenyataan Media “Australia is Top Property Investment Destination for Singaporean and Malaysian Property Buyers” oleh REA Group pada 16 Februari 2017.
- [3] <http://www.theedgemarkets.com/article/question-inheritance-tax-resurfaces-malaysia>
- [4] The CS Family 1000 by Credit Suisse Research Institute, September 2017
- [5] <http://www.treasury.gov.my/index.php/ekonomi/penunjuk-ekonomi-utama.html>
- [6] Implementing Goods and Services Tax in Malaysia. 2013, Penang Institute
- [7] Kenyataan Media “Salaries & Wages Survey Report Malaysia 2016” oleh Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) pada 5 May 2017
- [8] <https://www.reuters.com/article/us-health-arthritis-knee-surgery/knee-surgery-outcomes-linked-with-education-level-idUSKBN1E038T>
- [9] <https://www.cleverism.com/industry-4-0/>
- [10] <https://www.weforum.org/agenda/2016/01/the-fourth-industrial-revolution-what-it-means-and-how-to-respond/>
- [11] <https://heckmanequation.org/resource/invest-in-early-childhood-development-reduce-deficits-strengthen-the-economy/>
- [12] <https://www.moe.gov.my/index.php/en/kurikulum/prasekolah>
- [13] <https://www.bharian.com.my/node/149474>
- [14] Children Statistics Malaysia 2016, Jabatan Statistik Malaysia, Disember 2016
- [15] Laporan Ekonomi Bank Negara Malaysia Suku Ke-3, 2017
- [16] National Public Opinion Survey on Economic Hardship Indicators, November 2017 oleh Merdeka Center.
- [17] <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/07/05/tak-patut-rotan-kerana-yuran-pibg-tak-wajib-kata-timbangan-menteri/>
- [18] <https://www.malaysiakini.com/letters/382816>
- [19] <http://jpt.mohe.gov.my/index.php/ipt/berkaitan-ipts/ipts>
- [20] “Private Higher Education in Malaysia Are we heading towards a crisis?” oleh Penang Institute
- [21] Laporan Statut Tahunan PTPTN 2016
- [22] TM Corporate Information, 31 Oktober 2017
- [23] <http://quotes.wsj.com/MY/TM>
- [24] http://www.mara.gov.my/en_US/bah.-pendidikan-tinggi
- [25] <http://www.newworldencyclopedia.org/entry/University#History>
- [26] <https://www.ptptn.gov.my/web/guest/korporat>
- [27] 2017 Salary Report oleh Jobstreet.com
- [28] Youth Unemployment in Malaysia: Developments and Policy Considerations, 2017
- [29] OECD Collective Bargaining in a Changing World of Work, 2017
- [30] Bilangan Kesatuan Sekerja Dan Keanggotaan (Berakhir Oktober 2017), Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Malaysia
- [31] <http://www.mtuc.org.my/malaysia-needs-strong-trade-and-workers-unions-ganeshwaran-kana/>
- [32] <https://www.thestar.com.my/news/education/2017/03/12/stem-a-priority-for-malaysia/>
- [33] <https://www.theguardian.com/money/2017/sep/06/us-student-debt-loans-navient-sallie-mae>
- [34] Peruntukan Kementerian Pendidikan Malaysia 2018
- [35] <https://www.thestar.com.my/news/nation/2016/09/03/ministry-releases-school-term-dates-for-2017/>
- [36] Economic Review National Account, MIDF Research, August 2017
- [37] <https://thecoverage.my/news/85-malaysias-work-force-dont-make-enough-pay-taxes-gst-wont-increase-next-year-says-deputy-minister/>
- [38] <https://data.worldbank.org/indicator/GC.TAX.TOTL.GD.ZS>

Tangisan Buaian Dan Urat Tua

Tangisan buaian baru disambut bidan,
Senyuman lakar di bibir kaum pekerja,
Mimpi berbui di minda kaum pekerja,
Untuk mencerahkan minda buaian baru,

Kocek duit terlekat memecah hati,
Urat tua mula berkobar semula,
Perjuangan merdeka buaian baru,
Perjuangan untuk sekeping emas,

Perjuangan dengan kapitalis kecil
Demi sekeping emas
Perjuangan dengan kapitalis besar
Demi membeli impian buaian baru

Gerhana Bulan berganti gerhana matahari,
Buaian bayi berganti bangku kayu,
Kepingan besi jauh pandangan
Bangku kayu bersungkur di rumah

Urat tua berkobar lagi,
Keringat diperah siang malam
Demi sekeping besi baru,
Bangku kayu ke pondok ilmu

Gerhana Bulan berganti gerhana matahari,
Bangku kayu berganti kemeja baru,
Urat tua bergadai bumbung demi kemeja,
Demi sekemeja baru di menara gading

Perahan keringat mula reputkan urat tua,
Urat tua terkandung tanah basah
Sebelum kemeja berganti jubah,
Tanpa keping emas baru,
Kemeja layang ditiup angin,

Pertama kali tangisan kubur kedengaran
Kemeja bertangisan buaian baru kedengaran
Cebisan cermin separa siap kedengaran
Gelak ketawa kapitalis rakus kedengaran

Sebalik tangisan seorang anak muda gagal dalam impian adanya tangisan sebuah kaum pekerja yang bertungkus untuk mengangkat anak muda tersebut. Namun, kelas kapitalis dan kelas pemerintah rakus memperdagang pendidikan sebagai komoditi. Tanpa memerdekakan pendidikan, anak muda tidak akan dimerdekakan.

~SHARAN RAJ~